

26/04/2002

Titah Seri Paduka merangsang kemajuan

TITAH Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail yang ditabalkan sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-12 semalam begitu meyakinkan seluruh rakyat berbilang kaum di negara ini bahawa "di mana bumi dipijak di situ langit dijunjung". Kemakmuran yang dikecapi di negara ini sama ada dari segi pembangunan ekonomi, sosial, politik dan sebagainya, sukar dibandingkan dengan negara lain. Berteraskan kepada sebuah kerajaan yang demokratik, rakyat bukan saja diberi kebebasan memilih kerajaan menerusi sistem demokrasi berparlimen, malah mereka bebas menentukan haluan politik negara, kebebasan beragama, berbudaya, berbahasa, kebebasan mencari kekayaan, pendidikan dan seterusnya. Sikap saling hormat menghormati sudah menjadi budaya rakyat. Sejak mencapai kemerdekaan 45 tahun lalu, rakyat diasuh supaya mengamalkan semangat toleransi yang hasilnya sudah pun terbukti hari ini. Dengan mengikis sikap perkauman, rakyat bukan saja boleh hidup bersama, malah mereka saling menghormati antara satu dengan lain sebagai rakyat Malaysia yang bermuafakat. Cara hidup rakyat Malaysia ini bukan saja dihormati dunia, malah dijadikan model oleh negara lain yang didiami masyarakat pelbagai kaum.

Kewibawaan kerajaan sebagai peneraju kepada pembangunan negara dengan meletakkan tanggungjawab untuk menjaga kepentingan rakyat sebagai matlamat utama, tidak boleh dipersoalkan. Selagi rakyat bertindak tanpa membelakangkan keluhuran undang-undang dan tidak mencemari perlembagaan negara, mereka berhak melakukan apa saja di bumi bertuah ini. Walaupun mengiktiraf perbezaan pendapat, setiap rakyat tidak seharusnya dibenarkan bertindak melampaui batas dan membelakangkan keselamatan awam dan negara. Suara majoriti rakyat yang meletakkan kepercayaan kepada pemerintah hari ini untuk memberi kedamaian dan kemakmuran negara, tidak boleh dipandang ringan oleh mereka yang berkepentingan.

Malaysia bukanlah tempatnya untuk mencetuskan huru-hara. Kestabilan negara hari ini adalah hasil ketegasan pemerintah yang tidak pernah lalai daripada tanggungjawab memastikan rakyat terus hidup dalam suasana aman dan sejahtera. Disebabkan kerajaan hari ini begitu kuat lah, rakyat terhindar daripada sebarang perbuatan jahat oleh anasir dari dalam dan luar yang bercita-cita menggugat keharmonian rakyat. Dengan keyakinan yang begitu tinggi diberikan oleh Yang di-Pertuan Agong terhadap kecekapan, kewibawaan dan pemerintahan negara hari ini, tidak syak lagi ia akan memberi perangsang kepada pemimpin negara yang direstui rakyat jelata untuk terus memacu negara ke arah kemajuan dalam semua bidang. Atas dasar ini jugalah kerajaan tidak akan membenarkan sebarang anasir jahat untuk cuba merosakkan ketenteraman rakyat dan negara.

Sebagaimana dijelaskan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam ucapan tahniah dan ikrar taat setia pada istiadat pertabalan Yang di-Pertuan Agong semalam, kerajaan sedar kewujudan anasir jahat sama ada di dalam atau luar negara yang tidak menyenangi kemajuan Malaysia dan cuba menjatuhkan negara ini dengan menimbulkan huru-hara dan menggugat perpaduan rakyat. Disebabkan Islam cuba dijadikan alat oleh segelintir rakyat untuk tujuan peribadi dan politik, golongan itu akan ditentang habis-habisan demi menjaga kesucian Islam. Islam tidak menggalakkan perpecahan, sebaliknya mementingkan perpaduan sesama ummah serta penganut agama lain. Diharapkan mereka yang ingin memperalatkan agama untuk kepentingan politik tidak lagi bermain dengan api kerana ia boleh membakar diri. Perkembangan dunia hari ini yang mana umat Islam diperlekehkan

dengan agama itu dikaitkan dengan keganasan harus menjadi iktibar kepada seluruh ummah. Rakyat juga harus sedar keadaan umat Islam sekarang berpunca daripada tindakan segelintir orang Islam yang radikal yang bertindak melulu tanpa memikirkan akibatnya.

(END)